

NESCAFÉ® Sedia Untuk Diminum tawarkan motosikal Yamaha, Nintendo Switch, telefon pintar dan set fon kepala dalam “Peraduan NESCAFÉ® Minum dan Menang”

- *Peraduan terbaharu memberi peluang kepada penggemar kopi untuk memenangi hadiah-hadiah bernilai sehingga RM294,000*

PETALING JAYA (2 OKTOBER 2020) – Sempena Bulan Kopi Antarabangsa, NESCAFÉ® Sedia-Untuk-Diminum telah melancarkan peraduan pengguna terbaharunya - “Peraduan NESCAFÉ® Minum & Menang”. Peraduan merangkumi seluruh negara ini bermula dari 7 September sehingga 8 November 2020 dan menawarkan sejumlah 297 hadiah mingguan, termasuklah 18 unit motosikal Yamaha Y15ZR sebagai hadiah utama.

Setiap minggu sepanjang tempoh sembilan minggu peraduan in berlangsung, NESCAFÉ® Sedia-Untuk-Diminum akan memilih sekumpulan pemenang mingguan yang merangkumi dua orang pemenang untuk hadiah utama, hadiah tempat pertama, kedua dan ketiga serta 25 orang pemenang hadiah sagu hati. Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Hadiah Utama – motosikal Yamaha Y15ZR
- Hadiah Pertama – konsol Nintendo Switch
- Hadiah Kedua – telefon pintar Samsung Galaxy A31
- Hadiah Ketiga – set fon kepala berjenama
- Hadiah Sagu Hati – RM100 tunai

“Bulan Kopi Antarabangsa bukan sahaja meraikan cita rasa dan nikmat kopi, tetapi juga ciri-ciri serba guna dan kelebihannya serta banyak lagi. NESCAFÉ® sememangnya mengiktiraf kepelbagaian kopi yang merentasi budaya dan kami gembira untuk meraikan kepentingannya bersama para penggemar kopi di seluruh dunia,” kata Angeline Lim, Pengurus Pemasaran Pengguna – Minuman Sedia-Untuk-Diminum, Nestlé (Malaysia) Berhad.

“Bagi ramai orang di luar sana, kopi merupakan sebahagian penting dalam rutin harian mereka, sama ada untuk memulakan hari mereka atau sebagai penyuntik kesegaran sepanjang hari. Kami faham bahawa pandemik ini telah menimbulkan suasana mencabar buat ramai rakyat Malaysia. Kami di NESCAFÉ® Sedia-Untuk-Diminum ingin menawarkan hadiah-hadiah yang menarik ini sebagai tanda penghargaan buat para pengguna kami atas sokongan berterusan mereka,” tambahnya.

“Peraduan NESCAFÉ® Minum & Menang” dibuka kepada semua penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan dokumen pengenalan yang sah. Untuk melayakkan diri bagi menyertai peraduan ini, pengguna perlu membuat pembelian minima RM5 produk Tin / Botol / Cawan NESCAFÉ® yang turut serta. Resit pembelian harus dihantar menerusi WhatsApp sebagai bukti. Akhir sekali, bagi memenuhi kriteria kelayakan penyertaan, para peserta juga perlu menjawab sebuah soalan dengan betul.

Di samping itu, para peserta yang membuat pembelian dari kedai 7-ELEVEN dari 14 September hingga 8 November 2020 juga layak untuk menyertai peraduan eksklusif 7-ELEVEN selain daripada peraduan seluruh negara ini. 15 orang pemenang akan dipilih dalam setiap daripada lapan minggu peraduan eksklusif 7-ELEVEN ini – setiap pemenang 7-ELEVEN akan membawa pulang hadiah berupa Beg Under Armour Patterson bernilai RM99 dan kredit e-Dompet Touch ‘n Go bernilai RM100.

Untuk maklumat lanjut mengenai “Peraduan NESCAFÉ® Minum & Menang”, sila layari <https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/nescafe-minum-dan-menang>. Untuk maklumat lanjut mengenai NESCAFÉ®, sila hubungi Pusat Hubungan Perkhidmatan Pengguna NESTLÉ di talian 1-800-88-3433 antara jam 9 pagi hingga 5 petang dari Isnin hingga Jumaat atau layari www.nescafe.com/my/.

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

Mengenai NESCAFÉ®

Apa yang bermula sebagai idea untuk menyelesaikan masalah bekalan kopi tidak terjual dalam usaha untuk mengelakkan kesempitan hidup dan pembaziran hasil tanaman telah mencetus kelahiran kopi NESCAFÉ® yang dilancarkan di Switzerland pada April 1938. Sejak itu, inovasi produk NESCAFÉ® telah berkembang maju untuk menghasilkan lebih banyak aroma dan perisa semula jadi daripada setiap biji kopi dengan pelbagai jenis kopi berbeza untuk memenuhi cita rasa dan pilihan dari serata dunia. Pada hari ini, pengguna di seluruh dunia menikmati kualiti, perisa, aroma, kesenangan dan kebaikan semula jadi kopi NESCAFÉ® dalam pelbagai format berbeza.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan kesemua 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

E-mel: Maxine.Lim@my.nestle.com

Beverley Hon

Xcess Communication

Tel: (+6019) 313 6011

E-mel: beverley@xcesscommunication.com